SENI

# SILAT SENDENG DAN GURUNYA

PENCAK SILAT adalah salah satu cabang seni mempertahankan diri bangsa Melayu. Ia diketahui ramai sejak zaman kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka.

7 OCT 1973 Berita Minggu

Jikalau Silat Gayung berpusat di Perak, Silat Kalimah di Kedah, maka Silat Sendeng pula di Muar, Johor.

Seni Silat Sendeng ini dipopularkan oleh seorang pendekar yang tidak asing lagi di Johor, Encik Abdul Hamid bin Haji Hamzah

Saya telah berjumpa dan bertemuramah dengan beliau di satu majlis khatam pencak Silat Sendeng di Kampung Bekoh, 5 batu dari Tangkak, baru-baru ini.

Badannya tegap gempal. Gerak - gerinya tangkas. Ketika bersalaman dengannya, terasa tangannya keras seperti kayu.

Menurutnya, ia lahir di Kampung Sungai Mati, Muar, 47 tahun lalu.

Beliau mula mempelajari seni Silat Sendeng ketika berumur 5 tahun. Beliau belajar dari datuknya sendiri, Haji Hassan bin Mahad.

Haji Hassan ialah seorang pendekar di Muar di kala Pemerintahan Sultan Ibrahim.

Encik Abdul Hamid selanjutnya menjelaskan bahawa beliau telah mula mengambil tugas datuknya untuk memperkembangkan seni Silat Sendeng ketika berumur 13 tahun.

Mahaguru Seni Silat Sendeng itu selanjutnya memberitahu, silat ini memang berasal dari Muar.

Menurutnya, seni tersebut hanya untuk mempertahankan diri secara pukulan sendeng.

"Silat Sendeng ini dicipta oleh Encik Long bin Mamat. Kemudian Encik Long telah menurunkan ilmunya itu kepada Encik Taman bin Dagang.

"Ilmu itu seterusnya diturunkan pula kepada datuk saya, Haji Hassan bin Mahad," ujarnya.

Menurutnya lagi, pada masa itu seni silat ini tidak diperkembangkan dengan meluas. Sekadar diajarkan kepada anak-cucu pendekar-pendekar itu saja.

Murid - muridnya sekarang lebih-kurang 4,000 orang di Semenanjung Malaysia.

Dalam silat ini, semua muridnya diajar bermain berbagai senjata seperti keris, pedang, tombak, tumbuk lada, kerambit, lembing, tembung, tekpi, perisai dan tongkat. Di samping itu, beliau juga memberi ilmu-ilmu batin.

Dalam tahun 1963, Encik Abdul Hamid telah ditugaskan mengajar silat ini kepada askar-askar Sultan Johor (J.M.F.).

Sekarang banyak sekolah menengah di Johor mengadakan klas-klas pencak Silat Sendeng ini sebagai salah satu aktiviti-aktiviti di luar bilik darjah. Klas-klas tersebut diajar oleh bekas-bekas murid Encik Abdul Hamid.

Di antara sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Tengku Mahmud Iskandar, Sungai Mati. Sekolah Menengah Tun Perak, Parit Beting Muar dan Sekolah Menengah Datuk Bentara Batu Pahat.

Pada masa ini, cawangan-cawangan Persatuan Seni Silat Sendeng terdapat di Melaka, Pahang dan Terengganu.

Memandangkan jasa dan peranan yang dimainkannya, Yang Dipertuan Agung telah mengurniakan beliau bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) dalam tahun 1972. — Oleh A. HANIS.